

30 APR 2003

Sukan-Malik (Fokus Berita Bergambar)
KEAZAMAN MALIK HARUS JADI KEBANGGAAN

Oleh: Asan Ahmad

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Hasrat Abdul Malik Maidin untuk berenang menyeberangi Selat Inggeris seharusnya menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

Meskipun ia dilihat sebagai sesuatu yang sukar, tetapi bersandarkan semangat juang yang tinggi serta keyakinan pada diri sendiri, keazaman beliau untuk merentasi selat yang mempunyai air paling sejuk di dunia itu, bakal menjadi kenyataan Ogos ini.

Malik, 27, anak kelahiran Butterworth, Pulau Pinang, kini serius membuat persiapan untuk merealisasikan hasrat beliau untuk melakar satu lagi catatan sejarah dalam pencapaian luar biasa oleh anak Malaysia.

Katanya tarikh sebenar belum ditetapkan lagi kerana ia bergantung kepada faktor kesesuaian aliran air di selat itu, yang sering berubah dan ada kalanya tidak selamat.

Sebenarnya cita-cita Malik untuk berenang merentasi Selat Inggeris ini tercetus dua tahun lalu dan sejak itu, dia tidak jemu-jemu melakukan latihan.

Segala bentuk latihan telah diharunginya bagi membolehkan beliau menyesuaikan dirinya dengan keadaan di Selat Inggeris yang sebelum ini hanya pernah direnangi oleh anggota Tentera Laut British, Matthew Webb pada 1875 dan juga oleh perenang wanita Gertrude Ederle, dari Amerika Syarikat pada 1926.

Bagi membiasakan dirinya dengan tahap kesejukan air di selat itu, Malik lebih banyak melakukan latihan pada sebelah malam. Biasanya dalam masa lapan jam sehari berlatih itu, tiga-tiga aspek penting -- mental, fizikal dan ketahanan -- sentiasa menjadi keutamaan.

Teknik berenang juga diberi penekanan termasuk proses meringankan badannya supaya mudah bagi beliau untuk mengapungkan dirinya dalam keadaan-keadaan tertentu.

Malik telah melalui pelbagai kepayahan untuk mendapat restu terhadap cita-citanya.

"Pada mulanya, ada pihak memperlekehkan hasrat murni saya. Saya tidak putus asa kerana itu bukan cara saya. Kalau saya mahu melakukan sesuatu, saya akan terus berusaha," katanya sebelum berlepas ke Melbourne baru-baru ini bagi meneruskan latihannya.

Katanya keinginannya berjumpa dan mendapat restu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah disalah tafsir oleh pihak-pihak tertentu.

"Secara jujur saya katakan bahawa tujuan saya untuk berjumpa PM adalah untuk menyampaikan kepada beliau tentang hasrat saya untuk menyeberangi Selat Inggeris. Selepas akhirnya dapat menemui beliau, semangat saya semakin kuat, lebih-lebih lagi selepas cita-cita itu mendapat restu daripada Perdana Menteri.

"Nasihat beliau telah menggandakan semangat saya untuk merealisasikan impian ini seterusnya untuk menjadi anak Malaysia pertama menyeberangi Selat Inggeris," kata Malik.

Selepas pertemuan itu, tumpuan beliau adalah kepada faktor kewangan bagi membiayai latihan serta urusan lain bagi melicinkan perjalanan projek yang dicita-citakannya.

Menyedari masalah kewangan yang dihadapinya, segala urusan dilakukannya sendiri dengan pertolongan seorang pembantu khas yang menguruskan program di samping mencari penaja.

Malik mendapat tajaan daripada Malaysian Electronic Corporation (MEC) selain sedikit peruntukan daripada kerajaan.

Dia kini berada di Melbourne bagi meneruskan latihannya di bawah pengawasan jurulatih John Van Wisse.

Sebelum ini Malik telah melakukan dua percubaan -- pertamanya berenang dari Butterworth ke Padang Kota di Pulau Pinang sejauh 7.8km dalam masa 2 jam 45 minit bagi mengutip derma untuk tabung Kosovo pada tahun 2000, dan keduanya, dari jeti Bukit Tambun ke Pulau Aman sejauh 11km dalam masa 6 jam 4 minit yang merupakan acara kemuncak kepada larian obor Sukan SEA 2001.

Percubaan terakhir sebelum beliau menyeberangi Selat Inggeris ialah untuk berenang dari Kuala Perlis ke Langkawi sejauh 48km yang dijadualkan berlangsung pada 24 Mei ini.

Beliau akan mula berenang dari Kuala Perlis pada 8.30 malam pada 24 Mei dan dijangka tiba di Dataran Lang, Langkawi pada 4.30 petang keesokannya.

Acara itu, yang juga bertujuan mengutip derma bagi tabung Majlis Kanser Negara, dijangka disaksikan oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA
AHA AHH MAI